Pada 24 April 2019, Institut Semarak FELDA (ISEF) telah mengadakan lawatan kerja ke INTAN Kampus Utama Bukit Kiara. Lawatan kerja yang diketuai oleh Ketua Bahagian Pembangunan Insan FELDA, Encik Erwan Aman bersama-sama pengurusan ISEF seramai sembilan orang bertujuan untuk mengenali lebih dekat tentang sistem pengurusan latihan dan pusat latihan INTAN serta meninjau prospek kerjasama latihan di antara kedua-dua pihak. Di samping itu, sesi lawatan ini juga bertujuan untuk menjalin hubungan silaturahim di antara dua agensi Kerajaan (G to G). Rombongan ISEF telah diberi sambutan dan layanan yang amat mesra sepanjang sesi lawatan yang boleh dijadikan contoh bagi etika menyambut tetamu di FELDA. Kehadiran rombongan ISEF telah dialu-alukan bermula dari pintu masuk utama INTAN dengan kata alu-aluan "Welcome ISEF to INTAN" tertera di papan maklumat elektronik. Seterusnya, rombongan disambut oleh pegawai INTAN di lobi utama Bangunan Pentadbiran sebelum dibawa ke bilik mesyuarat utama untuk sesi penerangan. Rombongan disambut oleh Ketua Unit Korporat dan Antarabangsa INTAN, Dr. Azmi Omar.

Sesi bermula dengan pengenalan setiap kluster yang terdapat di INTAN. Setiap Kluster mempunyai tugas dan peranan masing-masing di dalam memastikan perjalanan latihan dan pentadbiran INTAN berjalan dengan lancar. Terdapat lapan kluster di INTAN antaranya ialah Kluster Dasar Awam dan Governan, Kepimpinan dan Eksekutif, Pengajian Ekonomi dan Kewangan Awam, Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi, Pembangunan Kepakaran serta Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC). Seterusnya Dr. Azmi memberi penerangan berkenaan pengurusan fasiliti dan program latihan yang terdapat di INTAN. Di INTAN Bukit Kiara sahaja terdapat 400 petugas yang terdiri daripada kumpulan pentadbiran dan tenaga pengajar. Perkongsian maklumat daripada pembentangan yang diberikan, banyak input baru diperolehi oleh ISEF yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan latihan FELDA.

Antara perkara menarik adalah berkenaan sistem penilaian (*assessment*) bagi kenaikan gred pegawai. Semua pegawai awam terutamanya Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) diwajibkan menghadiri kursus penilaian yang sama bagi setiap gred. Sebagai contoh, semua pegawai gred Jusa C diwajibkan menghadiri kursus *Advance Management Leadership Program (AMLPL)* yang mana modul bagi kursus penilaian ini berasaskan modul dari universiti terkemuka iaitu Universiti Harvard. Manakala bagi gred 52 ke 54 pula dikehendaki menghadiri *Advance Leadership Development and Assessment Program (A-LEAP)*. Bagi pegawai gred 48 ke 52 dan 44 ke 48 masing-masing perlu menduduki kursus *Middle Management Leadership Assessment Programme (M-LEAP)* dan *Executive Leadership Assessment Programme (E-LEAP)* sebelum melangkah ke gred seterusnya.



Di samping itu, terdapat juga kursus kepimpinan yang ditawarkan bukan untuk tujuan penilaian seperti Kursus Kepimpinan Transformatif. Setiap kluster juga menawarkan pelbagai kursus mengikut bidang masing-masing seperti kursus ICT, Polisi Awam, pengurusan kewangan dan kontrak.

Semasa sesi ini juga kedua-dua pihak berpeluang untuk bertukar-tukar idea dan pendapat bagi menambah nilai di agensi masing-masing. INTAN juga bersetuju untuk bekerjasama dengan ISEF di dalam membangunkan modul latihan yang diperlukan dan bersedia untuk membantu ISEF di dalam menyediakan tenaga pengajar bagi kursus dalaman yang bersesuaian seperti kursus kepimpinan dan pengurusan kewangan. Bagi kursus berasaskan penilaian seperti AMLP, A-LEAP dan E-LEAP yang khusus untuk pegawai PTD, pihak INTAN bersedia untuk membuka ruang bagi FELDA untuk menghantar pegawai-pegawai FELDA menyertai kursus ini. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada keputusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan FELDA hendaklah membuat permohonan terlebih dahulu.

Sesi lawatan diakhiri dengan penyerahan cenderahati oleh kedua-dua pihak sebelum sesi bergambar bersama-sama Pengarah INTAN iaitu Yang Berbahagia Dato' Suriani Dato' Ahmad dan Dr. Mohd Bakhari Ismail Timbalan Pengarah Kanan INTAN. Sesungguhnya lawatan kerja ini amat bermanfaat di dalam memperkembangkan ufuk pemikiran dan idea pengurusan ISEF bagi menstruktur semula dan memperkasa program latihan FELDA. Semoga sesi ini akan merapatkan lagi hubungan dan seterusnya merancakkan lagi kerjasama di antara kedua-dua pusat latihan.



***Lawatan ISEF ke INTAN
pada 24 April 2019***

POLISI RISIKO FELDA

Oleh : Nurul Aini Abdul Halim
Unit Pengurusan Risiko, FELDA



Pengumuman berkaitan pelaksanaan model FELDA baharu telah berjaya disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad di Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2019 yang telah diadakan di FELDA Selancar 3, Rompin, Pahang pada 7 Julai 2019. Pengenalan kepada model FELDA baharu ini meyakinkan komitmen padu FELDA untuk berupaya bangun sebagai peneraju dalam pembangunan sosioekonomi negara di samping memperkasa tadbir urus korporat dan kualiti organisasi.

Tidak hanya memfokuskan kepada kekuatan kepimpinan dan tenaga kerja dalam dan luar FELDA, tadbir urus FELDA turut disokong dengan penguatkuasaan Polisi Pengurusan Risiko FELDA. Polisi ini telah dilancarkan pada 2 Mei 2019 dan disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor. Rangka kerja pengurusan risiko ini wajar dipraktikkan sebagai salah satu sistem kawalan dinamik dalam setiap urusan kerja FELDA. Pengurusan dan penilaian risiko yang berkesan diyakini berkemampuan membantu meminimumkan risiko-risiko yang dikhuatiri berlaku dan memaksimumkan pencapaian objektif FELDA.

KOMPONEN	KETERANGAN
Tadbir Urus	Membentuk pendekatan untuk membangunkan, menyokong dan menerap strategi risiko dan akauntabiliti.
Proses Pengurusan Risiko	Proses mengenal pasti, menganalisa, memantau dan mengurus risiko yang berkemungkinan bagi memastikan pencapaian objektif tercapai.
Polisi Pengurusan Risiko	Garis panduan pelaksanaan pengurusan risiko berdasarkan perancangan strategik bagi mencapai visi, misi dan objektif organisasi.
Komunikasi dan Pembudayaan	Melaksanakan komunikasi berterusan bagi penyampaian mesej berkesan dan pembudayaan pengurusan risiko.
Penilaian Risiko	Mengenal pasti, menilai dan mengkategorikan risiko.
Analisa Risiko	Mengukur, mengkaji dan menganalisa risiko bagi mengenal pasti pelan mitigasi.
Kawalan Risiko & Laporan	Memantau, melapor dan menjalankan aktiviti bagi keberkesanan pengurusan risiko.
Jaminan Kualiti	Menggunakan maklumat risiko dan mitigasi bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan.
Kemahiran & Pelaksanaan	Meningkatkan kompetensi dan kemahiran serta mengaplikasikan pengurusan risiko dalam perkhidmatan.



Penerangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko FELDA

SKILLS & PERSONALITY OF A SUCCESSFUL LEADER



HONESTY

A good leader will be able to establish an honest connection with his or her peers. A relationship based on trust and reliability makes the team know that their leader is always there for them, which in turn inspires them to be there for their leader.

POSITIVE ATTITUDE

Motivation is the key to success, and it can be hard to stay motivated in a negative environment. By keeping your team's spirits up, you will be able to motivate them to achieve more, and not let them be bothered by minor setbacks.



ABILITY TO DELEGATE

Each person in a group will be able to bring something different to the table, and a good leader will work with each member's strengths and weaknesses in order to make sure that the best is being done.

SENSE OF HUMOR

Negative situations will always arise, but a good leader will know how to diffuse them and help give his team peace of mind. A stress-free work environment often garners the most results, and sometimes all that is necessary to help push your team forward is a healthy dose of humor in the face of difficulty.



ABILITY TO COMMUNICATE

By clearly describing his or her idea to their team, the leader will be able to create a sense of ease and understanding with his peers. When every member of the team is striving towards a common goal, then there is nothing that cannot be accomplished.

COMMITMENT

Some leaders may drive their teams to work hard, while others will constantly be at their sides, giving every task their one hundred percent. The latter is the type of leader that can expect to achieve more. Teams work better when they see that the one that they answer to is right by their side, sharing their struggles and triumphs.



CREATIVITY



Sometimes a difficult situation will arise that will require you to think outside of the box and help your team do the same. At such crucial movements, a good leader will be able to demonstrate a unique type of creativity that can help his team push through any situation.

CONFIDENCE

A good leader will show confidence in the face of challenges and will inspire confidence in his team by reminding them that obstacles are just there to be overcome. The confident leader will keep his eye on the goal and will not allow anything deter him or her, or their team, from success.



ABILITY TO INSPIRE



Inspiration can take many forms, but a capable leader will be able to demonstrate his ability to lead and inspire by motivating his team to share his vision.

INTUITION

Finally, a good leader will have intuition. Sometimes obstacles will arise that nobody will know how to handle, perhaps even you. In such situations, it is important to be confident and make a decision. No matter what the decision is, if you show that you are giving the problem everything you have got, it will inspire your team to do the same, which can often be just all that is needed to help get past the situation to begin with.



"The greatest leader is not necessarily the one who does the greatest things. He is the one that gets the people to do the greatest things."


- Ronald Reagan

Source: Andrew Deen and Kelly Kuehn
www.workdaily.com

APA ITU MASALAH?

Oleh : Rizal Bahuddin , FELDA Lepar Utara 3

Seseorang boleh melihat masalah sebagai suatu peluang bagi membuka cara baharu melihat dan bertindak balas terhadap kesukaran yang dihadapi. Anjakan paradigma ini akan membawa kepada satu perspektif baharu atau kesedaran tentang sesuatu masalah tersebut. Peluang baharu bagi pembaikan akan mewujudkan suatu cabaran bagi penyelesaiannya di samping mendatangkan manfaat kepada penyelesaiannya. Gaya pemikiran yang kreatif, pintar serta berinovasi amat diperlukan bagi penyelesaian tersebut.



Apa itu PENYELESAIAN MASALAH


Penyelesaian masalah merupakan satu proses berstruktur dan berorientasi terarah. Ianya merangkumi komponen menaakul secara bebas yang menetapkan corak tingkah laku.

GARIS PANDUAN PENYELESAIAN MASALAH

- **Memahami masalah**
 - Pernyataan masalah
 - Penjelasan masalah
 - Memberi sebab tentang masalah
 - Meletakkan masalah dalam konteks
- **Menetapkan matlamat**
 - Matlamat yang ideal
 - Matlamat yang realistik dan pratikal
- **Menghasilkan idea**
 - Baca, selidik, fikir, bertanya soalan dan berbincang.
 - Berikan masa untuk idea berkembang semasa idea dihasilkan
- **Memilih idea**
 - Menilai idea penyelesaian yang sesuai bagi memperoleh kejayaan
 - Pilih penyelesaian untuk diujicuba
- **Melaksanakan rancangan tindakan penyelesaian**
 - Mencuba rancangan penyelesaian
 - Melakukan perubahan sebagaimana yang diperlukan semasa pelaksanaan penyelesaian.
- **Menilai kembali**
 - Siasat sama ada penyelesaian itu berkesan atau sebaliknya
 - Siasat sejauh mana keberkesanan penyelesaian
 - Jangan menilai secara mutlak


STRATEGI penyelesaian masalah

- **PENGHURAIAN MASALAH ATAU SUBMASALAH**
 - Memecahkan masalah kompleks kepada satu set urutan masalah mudah dahulu. Kemudian dituruti dengan menggabungkan penyelesaian kepada submasalah yang lebih mudah
 - Kelebihan adalah masalah cepat dan mudah difahami
 - Kelemahan adalah berisiko berlaku perubahan sifat masalah ketika proses pemecahan submasalah



SECARA MENGUNDUR (*BACKWARD*)

- Mencari penyelesaian secara terbalik atau bergerak dari belakang ke hadapan untuk menentukan sebab bagi masalah dan cadangan tindakan berpotensi.



MENDAKI BUKIT

- Kesesuaian bagi pendekatan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan
- Perlu mempunyai banyak langkah bagi pencapaian matlamat
- Amat sesuai bagi penyelesaian tempoh masa jangka panjang




- Idea dicatat dan dibincangkan dengan kaedah :
 - Jelaskan maksud idea
 - Gabungkan idea yang sama maksud
 - Buangkan idea yang bukan untuk capai objektif
- Capai persetujuan keputusan idea yang akan digunapakai.

PENANDA ARAS

- Proses mengukur dan membandingkan proses dalam sesebuah organisasi dengan organisasi yang lain yang mempunyai amalan terbaik untuk mengkaji cara memperbaiki proses tersebut.
- Tujuan adalah untuk membina idea baharu bagi tujuan penambahbaikan proses tersebut.
- Tatacara penggunaan penanda aras :
 - Pilih organisasi yang dijadikan sebagai penanda aras.
 - Hubungi organisasi tersebut bagi tujuan lawatan.
 - Lakukan sesi lawatan.
 - Kumpulkan maklumat dan data berkaitan ketika sesi lawatan.
 - Analisis perbezaan maklumat dan data dengan organisasi tersebut.
 - Bentangkan hasil penemuan perbezaan melalui mesyuarat dan tetapkan matlamat baru kepada ahli organisasi.


ANALISIS MENENTUKAN MATLAMAT AKHIR

- Individu perlu menentukan matlamat dengan menyenaraikan keseluruhan perbezaan antara matlamat dengan keadaan asal.
- Perlu wujudkan satu prosedur untuk mengurangkan perbezaan antara keadaan asal dengan matlamat.




PERANTAIAN KE DEPAN (FORWARD CHAINING)

- Penyenaraian pelbagai masalah yang wujud atau akan wujud bagi mencapai matlamat
- Seringkali digunakan oleh pakar – pakar kerana mereka mempunyai kemahiran mengkategorikan masalah dari segi prinsip asas



GAMBARAJAH SEBAB DAN KESAN

- Merupakan teknik yang menggabungkan *brainstorming* dengan kegunaan satu peta konsep.
- Kebiasaannya dikaitkan dengan rajah ishikawa atau tulang ikan.
- Tatacara penggunaan gambarajah sebab dan kesan :
 - Kenal pasti masalah
 - Fikirkan faktor – faktor utama yang terlibat
 - Kenal pasti sebab – sebab kemungkinan
 - Analisis gambarajah




ALAT penyelesaian masalah

BRAINSTORMING

- Boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan
- Merupakan satu proses sesi input penjanaaan idea
- Tatacara penggunaan *brainstorming* :
 - Nyatakan objektif yang hendak dicapai untuk sesi yang diadakan.
 - Melantik seorang ketua kumpulan bagi mengawal sesi
 - Jelaskan kaedah yang akan digunakan.
 - Secara berkumpulan dengan bersemuka atau sebaliknya
 - Jana idea iaitu menerima semua idea penyelesaian masalah dari ahli kumpulan
 - Tiada kritikan terhadap sebarang idea


CARTA ALIR

- -Satu bentuk gambarajah sistem yang dipermudahkan untuk mempamerkan langkah – langkah dalam satu proses yang berkaitan antara satu sama lain.
- Pendekatan langkah demi langkah memudahkan untuk merekabentuk penyelesaian bagi bidang spesifik yang memerlukan penambahbaikan.
- Tatacara penggunaan carta alir :
- Anak panah mewakili langkah – langkah proses
- Bulatan memanjang untuk permulaan atau tamat, empat segi mewakili arahan atau tindakan manakala tiga segi mewakili keputusan
- Bulatan memanjang untuk permulaan atau tamat, empat segi mewakili arahan atau tindakan manakala tiga segi mewakili keputusan
- Setiap simbol perlu dilabelkan agar dapat menunjukkan kemajuan proses.



ANALISIS SWOT

- -Teknik yang selalu digunakan didalam bidang perniagaan bagi membolehkan sesebuah organisasi mengenalpasti bidangnya dalam sesuatu pasaran.
- Amat berkesan digunakan sebagai alat dalam situasi apabila wujudnya persaingan daripada organisasi lain.
- Tatacara penggunaan analisis SWOT :
- Kaji kekuatan dan kelemahan organisasi
- Kenalpasti peluang dan ancaman terhadap organisasi
- Bentuk strategi dengan kaedah :
 - Maksimumkan kekuatan dan peluang
 - Mengurangkan kelemahan
 - Minimumkan ancaman



MATRIKS KEUTAMAAN

- -Bertujuan bagi mencapai keputusan atau persetujuan bersama bagi penyelesaian masalah.
- Isu – isu disusun berdasarkan skor dan kriteria mengikut kepentingan sesebuah organisasi.
- Alat yang amat berguna bagi masalah yang mengikut keutamaan.
- Tatacara penggunaan matriks keutamaan :
- Wujudkan sesi brainstorming bagi tujuan penjaanaan idea.
- Lajur pertama perlu dinyatakan masalah.
- Lajur kedua dan seterusnya kebiasaannya dikaitkan dengan kekerapan, kepentingan dan kebolehlaksanaan.
- Kriteria lain juga boleh diwujudkan seperti nilai, masa, keselamatan, kos atau tempoh.

Masalah	Kekerapan	Kepentingan	Kebolehlaksanaan	Jumlah Markah
Masalah 1	5	3	2	10
Masalah 2	1	6	3	10
Masalah 3	0	2	8	10



TIPS TO STAY FOCUSED AT WORK

ORGANIZE YOUR WORKSTATION

Our brain gets directly influenced by the things in front of us or immediately next to us. If your workstation looks like it just got struck by a storm and everything is all messed up, then guess what? That is exactly how you would be feeling the entire day – distracted and lost. Keeping your workspace clean and organized can have a huge impact on keeping your focus intact and taking your productivity a notch higher.

TAKE UP ONE THING AT A TIME

Not all of us are born with great multitasking skills, yet most of us fall prey to it. The myriad activities crammed in our usual routine and constantly switching between them is likely to make you tired and distracted. And, it defeats the whole purpose why people tend to multitask. By constantly switching between numerous tasks reduces our chances to complete any one of them in due time. Instead of saving time, it ends up doing the exact opposite of it. Additionally, we end up losing focus and making more mistakes when we juggle more than two tasks at a single time.

CREATE AN HOURLY-WORK PLAN

One of the major reasons why most of us lose our focus is not having a proper plan. As a result, our monkey mind unchains itself and we lose our focus. To tame your monkey mind, try scheduling your tasks hour by hour. It is a great exercise that gives a structure to your workday. You know exactly what to do when and what needs to be accomplished at the end of the day.

GET IN THE 'FLOW'

Our brain gets directly influenced by the things in front of us or immediately next to us. If your workstation looks like it just got struck by a storm and everything is all messed up, then guess what? That is exactly how you would be feeling the entire day – distracted and lost. Keeping your workspace clean and organized can have a huge impact on keeping your focus intact and taking your productivity a notch higher.

TAKE SHORT BREAKS

Sometimes, when you cannot focus on a task anymore, the best thing you can do is to take a break. Our brains are not designed to retain attention for longer hours. Moreover, sitting at your desk looking at the screen for long could lead to lethargy, fatigue, and headache. It is advisable to take short breaks after every 60 minutes of continuous work.

CHOOSE SUITABLE MUSIC

It might not bring the same results for one as it would produce for many. Listening to a certain kind of music could increase your concentration at work. A recently published article stated that background music has actually the power to alter the listener's mood.

To be a little specific, it was mentioned that listening to music that is positive and has slow tempos could actually improve your performance. It won't be wrong to say that listening to background music helps to improve focus, blocks out distractions, and even makes a tedious task more enjoyable. Try it out to see if it works for you or not.

STOP PROCRASTINATING THINGS FOR TOMORROW

One of the major reasons why most of us lose our focus is not having a proper plan. As a result, our monkey mind unchains itself and we lose our focus. To tame your monkey mind, try scheduling your tasks hour by hour. It is a great exercise that gives a structure to your workday. You know exactly what to do when and what needs to be accomplished at the end of the day.

KEEP THAT PHONE IN YOUR DRAWER

Your phone could be your biggest enemy while working. Constant beeps, Whatsapp messages, Facebook notifications could distract you and result in wasting your precious time. Let's admit whenever we see our phone on the table, there's this urge to pick it up and check who updated what on their social networking accounts. According to a survey, an average office employee spends 56 minutes per day using their smartphones for non-work activity. It won't be wrong to say that smartphones are sapping away all your energy and killing your productivity.

*"The best preparation for good work tomorrow is to do good work today."
- Elbert Hubbard*

*"Productivity is never an accident. It is always the result of a commitment to excellence, intelligent planning and focused effort."
- Paul J. Meyer*

Source: Vartika Kashyap
www.proofhub.com

PESTALOTIOPSIS SP. ANCAM PRODUKTIVITI GETAH

Oleh Mohd Rafizan Samian, Jabatan Perladangan

Pestalotiopsis sp. adalah sejenis fungus yang biasa ditemui pada tanaman di kawasan beriklim sederhana dan tropika. Patogen ini tidak mempunyai hos yang spesifik, di mana lebih 220 *Pestalotiopsis* sp. telah berjaya dikenalpasti. Daripada 220 spesis ini, hanya 23 spesis adalah 'endophyte' dimana spesis ini selalunya berumah pada tumbuhan tanpa menyebabkan penyakit.

Pestalotiopsis sp. mula mencuri perhatian di Malaysia beberapa tahun kebelakangan ini. Patogen ini dikenalpasti sebagai punca kepada fenomena daun luruh di kebun-kebun getah dan boleh menyebabkan keguguran daun sehingga 100%. Natijahnya, hasil susu getah akan menurun sehingga 30% dan menyebabkan pendapatan penoreh terjejas. Walaupun sudah mula dilaporkan pada tahun 1975, penyakit ini mula dikenalpasti merebak pada penghujung tahun 2017 di Kluang dan Labis, Johor. Selain Johor, ladang getah di Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pahang dan Terengganu juga tidak terkecuali daripada menerima serangan penyakit ini.

Pokok getah yang diserang biasanya akan mengalami pereputan dan kematian tisu pada beberapa bahagian daun. Klon pokok getah yang terlibat termasuklah RRIM2001, RRIM2025, RRIM2023, PB260 dan PB350. Penyakit ini biasanya menyerang pokok getah berusia 10-15 tahun dan menasarkannya bukan hanya pada daun, malah pucuk, ranting dan biji getah. Penyakit ini biasanya mudah merebak ke ladang getah yang berhampiran dengan ladang sawit. Selain itu, kelalaian pekebun getah mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) juga dikenalpasti sebagai faktor penyumbang kepada penyakit ini.



Bagi memerangi penyakit ini, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menyarankan agar pekebun-pekebun getah mengamalkan GAP, bermula daripada penyediaan tanah, kawalan rumpai, serta kawalan penyakit yang menyeluruh. Selain itu pekebun getah juga perlu menabur baja mengikut jadual dan jumlah yang betul agar pokok getah tidak mengalami kekurangan nutrien yang boleh melemahkan sistem pertahanan pokok. Beberapa racun kimia telah dikenalpasti bagi melawan fungus ini, antaranya ialah Chlorothalonil, Mancozeb dan Propineb yang merupakan racun jenis sentuhan. Namun, racun-racun ini tidak begitu berkesan dan perlu digunakan dalam kepekatan yang tinggi. Racun kimia yang paling efektif dalam membantutkan pembiakan *Pestalotiopsis* sp. ialah Propiconazole. Racun ini adalah daripada jenis sistemik dan cepat berkesan melawan *Pestalotiopsis* sp. dengan kepekatan serendah 20ppm.

Kajian yang lebih mendalam berkaitan penyakit ini adalah perlu bagi memastikan masalah ini dapat dipulihkan sepenuhnya. Kerjasama daripada semua pihak adalah penting dalam usaha menangani masalah penyakit daun luruh daripada terus menghantui pengusaha getah di Malaysia.



“Delegation refers to a manager’s ability to share his burden with others. It consists of granting authority or the right to decision making in certain defined areas and charging subordinates with responsibility for carrying through an assigned task.”



Douglas C. Basil

Delegasi Tugas Secara Efektif

- 1** Menetapkan objektif yang jelas kepada pegawai yang akan menerima tugas tersebut
- 2** Memberi pemahaman yang jelas tentang tugas yang akan diberikan
- 3** Berbincang dengan pegawai yang akan menerima tugas tersebut tentang persoalan berkaitan tugas dan pandangan serta cadangan sekiranya ada
- 4** Mempunyai pemahaman tentang matlamat utama tugas tersebut
- 5** Perlu jelas tentang objektif dan hasil yang akan diperolehi
- 6** Menjelaskan apa, bila dan kenapa
- 7** Menetapkan perkara utama yang boleh dan tidak boleh dilakukan (*the do’s and the don’ts*)
- 8** Perlu jelas tentang masa dan peruntukan kewangan yang ada
- 9** Membuat semakan dan penilaian tentang hasil yang diperolehi. Proses ini melibatkan kepercayaan dan persetujuan bersama

Source: Melinda Fouts
www.forbes.com

Key Performance Index (KPI) BERASASKAN RANCANGAN

Oleh : Muhamad Zul Azri Bin Mohd Akil, Unit Transformasi

Inisiatif KPI Berasaskan Rancangan adalah salah satu daripada 36 inisiatif transformasi FELDA. Inisiatif ini adalah sebahagian cetusan idea semua ketua Jabatan FELDA yang hadir semasa Bengkel FELDA *Moving Forward 1* yang telah diadakan di Institut Semarak FELDA (ISEF), Bangi pada 7 – 9 November 2018 yang lalu. Selari dengan Pelan Strategik FELDA 2019 yang telah diluluskan oleh Lembaga FELDA, KPI yang telah ditetapkan ini adalah bertujuan untuk memastikan gerak kerja di setiap peringkat pengurusan adalah selari dengan hasrat dan sasaran yang perlu dicapai oleh FELDA pada tahun 2019. Tujuan inisiatif ini adalah untuk menambahbaik KPI sedia ada dan skop kerja di antara semua peringkat pengurusan (Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan). Selain itu, ia adalah untuk menambahbaik sistem e-KPI dan rangka kerja pelaporan mengikut piawaian yang relevan, tepat pada masanya dan tepat kepada semua peringkat pengurusan.

Inisiatif ini dilaksanakan atas faktor keperluan yang mendesak disebabkan oleh perkara berikut: -

- ◆ Pencapaian hasil ladang tidak mencapai sasaran disebabkan oleh pembangunan dan pengurusan awal tanam semula yang kurang berjaya kerana tidak mengikut sasaran yang ditetapkan.
- ◆ Peneroka tidak berpuas hati dengan prestasi FELDA akibat dari sasaran KPI yang tidak dicapai.
- ◆ Pengukuran KPI tidak sama di semua peringkat pengurusan.
- ◆ Penempatan petugas tidak mengikut nisbah piawaian yang sesuai menyebabkan sasaran KPI sukar dicapai
- ◆ Templat pelaporan KPI semasa berbeza, tidak mesra pengguna dan sukar untuk difahami menjadikan pelaporan KPI tidak dibuat.
- ◆ Sistem ganjaran dan hukuman tidak dilaksanakan mengakibatkan banyak KPI tidak mencapai sasaran.



Perubahan yang ketara setelah inisiatif ini dilaksanakan adalah seperti berikut: -

- ◆ Kerangka baru KPI yang diterima pakai oleh semua peringkat pengurusan.
- ◆ *Standard Operating Procedures* (SOP) yang ditambahbaik bagi memastikan pelaporan KPI ini dapat dilaksanakan di semua peringkat pengurusan.
- ◆ Sistem e-KPI baru akan mula digunakan untuk melaporkan pencapaian setiap peringkat pengurusan dengan kaedah yang lebih baik dengan memfokuskan kepada penglibatan setiap petugas yang akan memastikan kemasukan data yang tepat dan sahih.
- ◆ Mesyuarat Operasi diwujudkan sebagai saluran untuk membincang pencapaian KPI bulanan dan penyediaan cadangan pelan mitigasi. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti) dengan Pengurus Besar Wilayah sebagai ahli mesyuarat dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Tanam Semula sebagai sekretariat.
- ◆ Semua petugas akan diberi latihan yang diperlukan dan secukupnya untuk memastikan sistem pelaporan baru ini berjalan dengan lancar.
- ◆ Dalam fasa seterusnya, e-KPI akan dibangunkan dalam bentuk aplikasi telefon bagi memudahkan pengisian dan pengesahan data boleh dibuat di mana mana sahaja.

Dengan perubahan dan penambahbaikan yang telah dibuat kepada kerangka sistem pelaporan KPI dan mengambil kira penetapan sasaran yang jelas akan memberi kesan berikut;-

- ◆ Pelaporan pencapaian KPI akan mengikut masa yang ditetapkan
- ◆ Tiada lagi isu kesahihan dan kebolehpercayaan terhadap maklumat data yang dilaporkan oleh setiap peringkat pengurusan.
- ◆ Peningkatan indeks kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan
- ◆ Dengan pelaporan yang cepat dan tepat, analisa data dan respon untuk menyediakan pelan mitigasi akan dapat dibuat dengan segera seterusnya mengurangkan kesan negatif terhadap organisasi.
- ◆ Pelaporan pencapaian KPI akan digunakan sebagai salah satu sumber untuk menganalisa data FELDA



INISIATIF TRANSFORMASI FELDA


Oleh : Mohd Ezuwan Bin Zulkifli Chan, Unit Transformasi

Sebuah organisasi tidak terkecuali daripada pelbagai cabaran dan halangan dalam mencapai misi dan visinya. Pelbagai cabaran ini sentiasa memberi impak, sama ada positif dan negatif. Amat malang sekali organisasi tersebut menerima impak cabaran secara negatif sehingga menjatuhkan reputasi dan imej yang baik.

FELDA turut menghadapi cabaran di dalam Menjadi Pemacu Pembangunan Penempatan Negara Yang Progresif. Cabaran yang dialami sangat memberi kesan yang negatif kepada organisasi FELDA dan Warga Peneroka. Bagi memastikan FELDA yang pernah cemerlang sebelum ini, untuk bangkit menjadi organisasi terbaik untuk peneroka, sebuah inisiatif perubahan perlu dilaksanakan dengan serius dan segera. Sudah tiba masanya FELDA melaksanakan Inisiatif Transformasi FELDA dengan penuh komitmen dan berfokus.

Apakah itu Transformasi?

Transformasi ialah perubahan yang melibatkan tindakan, sifat dan persekitaran yang berlaku secara tersusun dan bertahap mengikut perancangan yang ditetapkan dalam usaha untuk mencapai keberhasilan strategik. Transformasi perlu sejajar dengan visi dan misi organisasi bagi memastikan objektif organisasi tersebut dicapai. Pembaharuan kepada perkhidmatan organisasi tersebut penting bagi memastikan pihak berkepentingan dan pelanggannya mendapat manfaat menerusi pencapaian keberhasilan yang berimpak tinggi.



Bagaimana Transformasi dilaksanakan?

Kejayaan transformasi sesebuah organisasi memerlukan komitmen yang tinggi dan penglibatan yang aktif daripada semua pihak yang berkepentingan untuk membentuk momentum transformasi yang memberangsangkan dan berterusan. Transformasi bukan hanya terletak di bahu sesuatu pihak semata-mata. Usaha menjayakan transformasi harus melibatkan pelbagai pihak bagi membentuk perubahan yang dinamik dan seperti yang diharapkan.

Oleh itu, di FELDA, bagi melaksanakan transformasi, sebuah Unit Transformasi FELDA telah ditubuhkan untuk melancarkan proses dan pelaksanaan transformasi ini. Ia berperanan menggalakan komitmen organisasi & menggerakkan penajaran strategi dan pelan pelaksanaan transformasi. Selain itu, bagi memastikan kelestarian perubahan yang diusahakan dalam inisiatif ini di masa hadapan, unit ini menguruskan dan menyelaras semua projek transformasi bagi menambah nilai kepada FELDA dan perkhidmatannya.

Mengapa perlu Transformasi?

Terdapat lima sebab mengapa sesebuah organisasi memerlukan transformasi iaitu:

- Krisis
- Tindak balas kepada Tekanan Dalaman & Luaran
- Peluang Persaingan
- Teknologi Baharu
- Jurang Pencapaian Prestasi

Inisiatif Transformasi FELDA

Terdapat sejumlah 36 inisiatif transformasi perlu dijalankan bagi memastikan perubahan yang dilaksanakan oleh FELDA mendapat kesan positif dan membangunkan FELDA daripada isu yang dihadapi. Inisiatif ini disusun berdasarkan kepada beberapa aliran atau stream. Daripada 36 inisiatif tersebut, sebanyak 9 inisiatif telah dan sedang dilaksanakan.

Unit Transformasi FELDA amat menggalakkan semua petugas memberikan maklumbalas bagi memastikan kelancaran dan kejayaan pelan transformasi dilaksanakan. Bagi saluran maklumbalas ini, petugas boleh memajukannya melalui aplikasi maklumbalas di laman web rasmi FELDA di ruangan petugas. Selain itu, petugas juga boleh emailkan kepada utf@felda.net.my

Inisiatif Transformasi FELDA

STREAM 1

- *Managing Balloning Settler's Debt*
- *Resolve Land Ownership Issues*
- *Rancangan-Based KPI*

STREAM 2

- *Cost Management*
- *Consolidation*
- *Taskforce to revise GSA/LDA*
- *Memperbaiki Sistem Pembayaran Bayaran Hasil Peneroka*
- *Overhaul Governance Policies*